

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN, 2008**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Perlembagaan Kolej Universiti.
4. Alamat penyampaian pejabat.
5. Salinan-salinan statut dll. hendaklah disimpan di Pejabat Kolej Universiti.
6. Bantuan dan akaun Kolej Universiti.
7. Pengambilan tanah bagi maksud-maksud Kolej Universiti.
8. Aturan-aturan.
9. Pengecualian dari cukai harta pusaka.
10. Pemberian kepada Kolej Universiti dikecualikan dari cukai pendapatan.
11. Pengenaan S 1/05 kepada badan-badan pelajar.
12. Perlaksanaan perbuatan dll. yang dilakukan sebelum tarikh permulaan kuatkuasa.
13. Pindaan dll. Perlembagaan.
14. Peruntukan-peruntukan peralihan.

**JADUAL — PERLEMBAGAAN KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

---

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN, 2008**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan sebuah kolej universiti yang dikenali sebagai Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan sebagai sebuah institusi pembelajaran tinggi bagi guru-guru ugama dengan taraf sebuah universiti dan bagi maksud-maksud lain yang berkaitan atau berhubung dengannya".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Perlembagaan" bermakna Perlembagaan Kolej Universiti yang dinyatakan dalam Jadual kepada Perintah ini;

"Kolej Universiti" bermakna Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang ditubuhkan oleh bab 3 dari Perlembagaan;

"peraturan" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Perlembagaan;

"statut" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Perlembagaan.

**Perlembagaan Kolej Universiti.**

3. Peruntukan-peruntukan Perlembagaan hendaklah, pada tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini, berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa undang-undang.

**Alamat penyampaian pejabat.**

4. (1) Kolej Universiti hendaklah menjaga dan menyelenggarakan sebuah pejabat di Negara Brunei Darussalam yang akan menjadi alamat penyampaiannya bagi semua notis dan semua jenis perhubungan bertulis yang lain.

(2) Semua notis dan perhubungan bertulis yang lain hendaklah, jika ditinggalkan di pejabat yang dijaga dan disenggarakan di bawah ceraian (1), dianggap sebagai telah disampaikan atau dihantar kepada Kolej Universiti atau pegawai atau pihak berkuasa yang kepadanya notis dan perhubungan bertulis yang lain itu mungkin telah ditujukan.

**Salinan-salinan statut dll. hendaklah disimpan di Pejabat Kolej Universiti.**

5. Kolej Universiti hendaklah menyimpan di pejabat yang disebutkan dalam bab 4(1) satu salinan setiap statut, peraturan atau dokumen semasa lain yang dikehendaki untuk disiarkan di bawah Perintah ini atau Perlembagaan, dan hendaklah menyediakannya pada setiap waktu yang munasabah untuk diperiksa oleh orang ramai dan, jika sebarang buku atau salinan-salinan dokumen dikehendaki tersedia, di bawah Perintah ini atau Perlembagaan, untuk dibeli oleh orang ramai, buku-buku atau salinan-salinan tersebut hendaklah tersedia untuk dibeli di pejabat itu atau di suatu tempat lain di dalam Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Kolej Universiti.

**Bantuan dan akaun Kolej Universiti.**

6. (1) Menteri Kewangan hendaklah menyebabkan untuk dibayar kepada Kolej Universiti wang-wang sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa sebagai bantuan kepada Kolej Universiti.

(2) Semua wang yang dibayar kepada Kolej Universiti di bawah ceraian (1) hendaklah digunakan atau dibelanjakan oleh Kolej Universiti bagi semua atau sebarang maksud Kolej Universiti menurut anggaran yang dibenarkan di bawah Bahagian V Perlembagaan.

(3) Satu salinan akaun Kolej Universiti bagi setiap tahun kewangan apabila disediakan dan diaudit menurut Perlembagaan hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh setelah pengauditan itu selesai, dihantar kepada Menteri Kewangan.

**Pengambilan tanah bagi maksud-maksud Kolej Universiti.**

7. (1) Jika sebarang harta tak alih, bukannya tanah Kerajaan, diperlukan bagi maksud-maksud Kolej Universiti, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengarahkan supaya harta itu diambil dan dalam hal tersebut harta itu boleh diambil menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang berkaitan dengan pengambilan tanah bagi

suatu tujuan awam dan sebarang pengisytiharan yang dikehendaki di bawah sebarang undang-undang bertulis tersebut bahawa harta itu adalah diperlukan demikian boleh dibuat walaupun pampasan dibayar dari dana Kolej Universiti, dan pengisytiharan tersebut hendaklah berkuatkuasa seolah-olah ia adalah suatu pengisytiharan bahawa tanah itu adalah diperlukan bagi suatu tujuan awam yang dibuat menurut undang-undang bertulis tersebut.

(2) Perbelanjaan dan pampasan berkaitan dengan sebarang harta tak alih yang diambil di bawah ceraian (1) hendaklah dibayar oleh Kolej Universiti atau dari dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan kepada Kolej Universiti bagi tujuan tersebut.

(3) Semua tanah Kerajaan yang diberikan atau harta tak alih yang diambil di bawah bab ini hendaklah terletakhak pada Kolej Universiti, dan suatu catatan bagi maksud itu dalam daftar yang betul hendaklah dibuat oleh pihak berkuasa pendaftaran yang berkenaan.

**Aturan-aturan.**

8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat aturan-aturan pada amnya bagi maksud-maksud Perintah ini dan boleh dalam aturan-aturan tersebut —

(a) mengadakan peruntukan bagi pentadbiran sebarang amanah oleh Kolej Universiti;

(b) mengecualikan daripada peruntukan-peruntukan bab 3 dari Akta Setem (Penggal 34) sebarang suratcara yang dikatakan telah disempurnakan di bawah peruntukan-peruntukan bab 42 dari Perlembagaan;

(c) pada amnya membuat peruntukan-peruntukan sebagaimana yang mungkin perlu disebabkan oleh penubuhan Kolej Universiti.

**Pengecualian dari cukai harta pusaka.**

9. Tiada cukai harta pusaka boleh dibayar berkaitan dengan jumlah sebarang pewasiatan kepada Kolej Universiti, dan nilai harta yang berpindah dengan kematian mana-mana orang hendaklah dianggap tidak termasuk jumlah pewasiatan tersebut bagi maksud menetapkan kadar cukai harta pusaka.

**Pemberian kepada Kolej Universiti dikecualikan dari cukai pendapatan.**

10. Kolej Universiti hendaklah dianggap sebagai sebuah institusi khairat bagi maksud-maksud bab 10(1)/(f) dari Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35).

**Pengenaan S 1/05 kepada badan-badan pelajar.**

11. (1) Dengan tidak menghiraukan apa-apa yang bertentangan dalam Perintah Pertubuhan, 2005 (S 1/05), peruntukan-peruntukan Perintah itu hendaklah berkuatkuasa berkenaan dengan Persatuan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, badan-badan utamanya, badan-badan pelajar yang lain dan Persatuan Siswazah yang ditubuhkan menurut Perlembagaan.

(2) Menteri yang berkenaan boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, mengecualikan Persatuan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan mana-mana badan utamanya atau mana-mana badan pelajar yang lain atau Persatuan Siswazah dari semua atau sebarang peruntukan Perintah Pertubuhan, 2005 (S 1/05) tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu.

**Perlaksanaan perbuatan dll. yang dilakukan sebelum tarikh permulaan kuatkuasa.**

12. Apa-apa jua yang dilakukan atau sebarang lantikan yang dibuat untuk, oleh dan bagi pihak Kolej Universiti sebelum tarikh permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah, pada dan selepas tarikh itu, dianggap telah dibuat untuk, oleh atau bagi pihak Kolej Universiti.

**Pindaan dll. Perlembagaan.**

13. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh meminda, mengubah atau menambah peruntukan-peruntukan Perlembagaan atau mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang dari sebarang peruntukan tersebut.

**Peruntukan-peruntukan peralihan.**

14. Peruntukan-peruntukan peralihan dalam bab 59 dari Perlembagaan hendaklah berkuatkuasa.

**JADUAL**

**PERLEMBAGAAN KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

**PERMULAAN**

**Gelaran.**

1. Perlembagaan ini boleh digelar sebagai Perlembagaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.